



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (68)
Tarikh : 21 Mac 2023

PERINGATAN 1

**Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AMANAH BAGI BULAN
FEBRUARI 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 4 Tahun 2021 telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **tatacara pengurusan Kumpulan Wang Amanah** bagi mengesahkan transaksi telah diperakaunkan dengan betul dan tepat kepada kumpulan wang amanah. **Garis Panduan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah** adalah seperti pada **Lampiran A dan Lampiran B, SPANM Bil. 4 Tahun 2021**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Amanah bagi bulan **Februari 2023** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya**.

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Encik Azri bin Ahmad di talian 04-7001000 (samb.187)**.

5. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(ROGAYAH BINTI MUSTAFA C.A.(M))
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman